

19 OCT 1999

Malaysia-Venezuela

MALAYSIA-VENEZUELA HIDUPKAN SEMULA JAWATANKUASA BERSAMA

PUTRAJAYA, 19 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Venezuela hari ini bersetuju untuk menghidupkan semula jawatankuasa bersama untuk merapatkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perkara itu dipersetujui pada mesyuarat delegasi Malaysia-Venezuela yang dipengerusikan bersama oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Venezuela, Hugo Rafael Chavez Frias.

"Mereka bersetuju hubungan dua hala mesti lebih pragmatik supaya sebarang program antara kedua-dua negara dapat dilaksanakan dengan berkesan," kata beliau ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai mesyuarat itu di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Sebelum ini jawatankuasa itu mengadakan hanya satu mesyuarat sahaja iaitu pada 1990.

Pada mesyuarat jawatankuasa pada 1990 itu, kedua-dua negara telah menandatangani beberapa perjanjian dua hala termasuk untuk meningkatkan perdagangan.

Syed Hamid juga berkata Dr Mahathir mengutarakan banyak pendapat pada mesyuarat hari ini ke arah mengukuhkan lagi perhubungan yang boleh menguatkan lagi suara negara-negara Selatan di peringkat antarabangsa.

"Ini supaya suara negara-negara selatan dapat didengar oleh komuniti antarabangsa," katanya.

Syed Hamid berkata lawatan Presiden Venezuela itu bertujuan memperbaharui dan meningkatkan hubungan dua hala dalam semua bidang dan juga untuk mengukuhkan hubungan Selatan-Selatan.

Mesyuarat delegasi selama dua jam itu berlangsung selepas Dr Mahathir dan Chavez Frias mengadakan pertemuan empat mata.

Chavez Frias tiba semalam untuk lawatan negara selama tiga hari.

Ini merupakan lawatan pertama beliau ke Asia Tenggara sejak memegang jawatan presiden pada Februari lepas.

Rombongan presiden itu mengandungi pegawai-pegawai kanan Kementerian Perancangan dan Pembangunan Venezuela, Kementerian Komersil dan Pengeluaran, Kementerian Infrastruktur, Tenaga dan Perlombongan serta Kementerian Sains dan Teknologi.

-- BERNAMA

ES MAI